



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS

SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN PENDAFTARAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK

Versi 1.1

(2017)

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

**SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN
PENDAFTARAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK**

SUSUNAN SYARAT-SYARAT

**BAHAGIAN I
PENDAFTARAN ORANG BERDAFTAR**

1. Borang permohonan
2. Had masa untuk Lembaga membuat keputusan atas permohonan
3. Fi pendaftaran
4. Borang sijil pendaftaran
5. Fi pembaharuan
6. Fi kemasukan semula ke dalam daftar
7. Pengalaman amali Teknologis Berijazah
8. Pengalaman amali Juruteknik Bertauliah

**BAHAGIAN II
PENILAIAN PROFESIONAL DAN PENSIJILAN**

9. Borang permohonan untuk menjalani Penilaian Profesional
10. Penilaian Profesional
11. Borang permohonan untuk menjalani Penilaian Pensijilan
12. Penilaian Pensijilan

**SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN
PENDAFTARAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK**

**BAHAGIAN I
PENDAFTARAN ORANG BERDAFTAR**

Borang permohonan

1. Setiap orang yang berhasrat untuk mendaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) hendaklah memohon kepada Lembaga seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga.

Had masa untuk Lembaga membuat keputusan atas permohonan

2. Setiap permohonan pendaftaran hendaklah diputuskan oleh Lembaga dalam tempoh 4 bulan dari tarikh perakuan penerimaan permohonan.

Fi pendaftaran

3. (1) Setiap permohonan pendaftaran sebagai orang berdaftar hendaklah disertakan dengan -

- (a) fi pemprosesan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017, yang tidak boleh dibayar balik; dan
- (b) fi pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017, yang boleh dibayar balik kepada pemohon yang tidak berjaya

Dan fi tersebut mestilah dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek atau lain-lain bentuk seperti yang ditentukan oleh Lembaga, dan dibayar kepada Lembaga.

(2) Seseorang Teknologis Berijazah hendaklah mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional dalam tempoh satu tahun dari tarikh beliau dimaklumkan oleh Lembaga bahawa beliau telah lulus Penilaian Profesional.

(3) Walau apa pun subperkara (2), sekiranya tempoh masa permohonan telah tamat, Teknologis Berijazah boleh, dalam jangka masa yang munasabah, memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional kepada Lembaga dan Lembaga boleh melanjutkan tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Seseorang Juruteknik Berkelayakan hendaklah mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah dalam tempoh satu tahun dari tarikh beliau dimaklumkan oleh Lembaga bahawa beliau telah lulus Penilaian Pensijilan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

(5) Walau apa pun subperkara (4), sekiranya tempoh masa permohonan telah tamat, Juruteknik Berkelayakan boleh, dalam jangka masa yang munasabah, memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah kepada Lembaga dan Lembaga boleh melanjutkan tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Borang sijil pendaftaran

4. (1) Sesorang orang berdaftar hendaklah dikemukakan sijil pendaftaran dalam apa-apa bentuk seperti yang ditentukan oleh Lembaga yang telah ditandatangani oleh Presiden dan Pendaftar dan dimeterai dengan meterai perbadanan Lembaga.

Fi pembaharuan

5. (1) Seseorang orang bedaftar yang berhasrat memperbaharui pendaftaran di bawah seksyen 25(2) Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) hendaklah -

(a) dikemukakan kepada Lembaga -

(i) permohonan pembaharuan pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga pada atau sebelum 31 Januari tahun berikutnya;

(ii) Fi pembaharuan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017 dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek atau lain-lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga, dibayar kepada Lembaga; dan

(b) Memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Di mana permohonan pembaharuan pendaftaran di bawah subperenggan (1) diluluskan oleh Lembaga, Pendaftar hendaklah mengemukakan kepada orang berdaftar tersebut sijil atau kad pendaftaran.

Lembaga boleh menolak untuk memperbaharui pendaftaran orang berdaftar sekiranya beliau tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh Lembaga di bawah subperenggan (1)(b).

Fi kemasukan semula

6. Mana-mana orang berdaftar, selain daripada Teknologis Berijazah atau Juruteknik Berkelayakan yang namanya telah dipotong daripada Daftar mengikut seksyen 28(1)(b) Akta 768 kerana gagal memperbaharui pendaftarnya hendaklah, semasa memaklumkan Pendaftar mengenai hasratnya untuk memohon kemasukan semula mengikut seksyen 25(3) Akta 768, membayar fi kemasukan semula seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

Pengalaman amali Teknologis Berijazah

7. (1) Pengalaman amali seseorang Teknologis Berijazah yang diperlukan di bawah seksyen 21(3) Akta 768 yang melayakkannya memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional hendaklah dilaksanakan sehingga ke tahap yang memuaskan Lembaga, dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun, dan hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

(a) Teknologis Berijazah itu mesti menjalani -

- (i) sekurang-kurangnya dua tahun latihan umum yang menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan profesional; dan
- (ii) sekurang-kurangnya satu tahun pembangunan dan latihan kerjaya profesional yang menyediakan pendedahan yang luas kepada pelbagai kepakaran pengurusan dan/atau kepakaran teknikal dalam amalan teknologi.

di mana sekurang-kurangnya latihan selama satu tahun mesti dijalani di Malaysia di bawah penyeliaan seorang Teknologis Profesional dalam cabang teknologi yang sama dengan yang diamalkan oleh Teknologis Berijazah itu, namun Teknologis Profesional dalam cabang teknologi lain yang berkaitan boleh diterima dengan kelulusan Lembaga.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), sekiranya Lembaga berpuas hati atas punca atau sebab yang mencukupi, Lembaga boleh dalam mana-mana kes mengecualikan, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau mempertingkat syarat keperluan pengalaman amali yang diperoleh di Malaysia atau syarat penyeliaan oleh seseorang Teknologis Profesional di Malaysia.

(3) Seseorang Teknologis Berijazah yang memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional di bawah seksyen 21(3) Akta 768 hendaklah mengemukakan bukti permohonan secara bertulis mengenai pengalaman amalinya. Permohonan tersebut hendaklah termasuk butir-butir dan penerangan pengalaman amali dan ulasan daripada Teknologis Profesional yang menyeliana di bawah perkara (1) sekiranya pengalaman diperoleh di Malaysia atau oleh seseorang teknologis yang diterima oleh Lembaga sekiranya pengalaman diperoleh di luar Malaysia, bahawa Teknologis Berijazah tersebut telah memperoleh pengalaman amali pada tahap yang memuaskan.

Pengalaman amali Juruteknik Berkelayakan

8. (1) Pengalaman amali seseorang Juruteknik Berkelayakan yang diperlukan di bawah seksyen 22(3) Akta 768 yang melayakkannya memohon untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertaullah hendaklah dilaksanakan sehingga ke tahap yang memuaskan Lembaga, dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun, dan hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

- (a) Juruteknik Berkelayakan itu mesti menjalani -
 - (i) sekurang-kurangnya dua tahun latihan umum yang menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan profesional; dan
 - (ii) sekurang-kurangnya satu tahun pembangunan dan latihan kerjaya profesional yang menyediakan pendedahan yang luas kepada pelbagai kepakaran penyeliaan dan/atau kepakaran teknikal dalam amalan teknikal,

di mana sekurang-kurangnya latihan selama satu tahun mesti dijalani di Malaysia di bawah penyeliaan seorang Juruteknik Bertaullah dalam cabang teknikal yang sama dengan yang diamalkan oleh Juruteknik Berkelayakan itu, namun Juruteknik Bertaullah dalam cabang teknikal lain yang berkaitan boleh diterima dengan kelulusan Lembaga.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), sekiranya Lembaga berpuas hati atas punca atau sebab yang mencukupi, Lembaga boleh dalam mana-mana kes mengecualikan, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau mempertingkat syarat keperluan

pengalaman amali yang diperoleh di Malaysia atau syarat penyeliaan oleh seseorang Juruteknik Bertauliah di Malaysia.

(3) Seseorang Juruteknik Berkelayakan yang memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional di bawah seksyen 22(3) Akta 768 hendaklah mengemukakan bukti permohonan secara bertulis mengenai pengalaman amalinya. Permohonan tersebut hendaklah termasuk butir-butir dan penerangan pengalaman amali dan ulasan daripada Juruteknik Bertauliah yang menyeliana di bawah subperenggan (1) sekiranya pengalaman diperoleh di Malaysia atau oleh seseorang juruteknik yang diterima oleh Lembaga sekiranya pengalaman diperoleh di luar Malaysia, bahawa Juruteknik Berkelayakan tersebut telah memperoleh pengalaman amali pada tahap yang memuaskan.

BAHAGIAN II
PENILAIAN PROFESIONAL DAN PENSIJILAN

Borang permohonan menjalani Penilaian Profesional

9. Setiap Teknologis Berijazah yang memiliki pengalaman amali dan berhasrat menjalani Penilaian Profesional bagi tujuan memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan fi Penilaian Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

Penilaian Profesional

10. Penilaian Profesional yang seseorang Teknologis Berijazah perlu lulus di bawah seksyen 21(3) Akta ini untuk layak didaftarkan sebagai Teknologis Profesional hendaklah terdiri daripada:

- (a) temu duga profesional yang dikendalikan oleh tidak kurang daripada dua orang penilai yang dilantik oleh Lembaga;
- (b) kertas bertulis berhubung perkara yang berkaitan dengan pengalaman amali yang telah diperolehinya; dan
- (c) kertas bertulis berhubung pemahamannya tentang Kod Tatakelakuan Profesional;

ATAU

sebarang bentuk penilaian lain, sama ada bertulis dan sebagainya, yang ditentukan oleh Lembaga.

Borang permohonan menjalani Penilaian Pensijilan

11. Setiap Juruteknik Berkelayakan yang memiliki pengalaman amali dan berhasrat menjalani Penilaian Pensijilan bagi tujuan memohon untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan fi Penilaian Pensijilan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan

Juruteknik (Fi) 2017.

Penilaian Pensijilan

12. Penilaian Pensijilan yang seseorang Juruteknik Berkelayakan perlu lulus di bawah seksyen 22(3) Akta 768 untuk layak didaftarkan sebagai Juruteknik Berkelayakan hendaklah terdiri daripada -

- (a) temu duga yang dikendalikan oleh tidak kurang daripada dua orang penilai yang dilantik oleh Lembaga;
- (b) kertas bertulis berhubung perkara yang berkaitan dengan pengalaman amali yang telah diperolehnya; dan
- (c) kertas bertulis berhubung pemahamannya tentang Kod Tatakelakuan.

ATAU

sebarang bentuk penilaian lain untuk menilai pemahaman pemohon, sama ada bertulis dan sebagainya, yang ditentukan oleh Lembaga.

Lembaga Teknologis Malaysia

13 Oktober 2016